

KREW.COM

PERKAHWINAN dan menjadi ibu bapa pada usia muda dalam kalangan remaja hari ini dilihat semakin berkembang, biarpun ada pihak yang menganggap tindakan itu hanya memperjudikan nasib mereka dalam melayari kehidupan.

Ada yang berpendapat, berkahwin pada usia muda itu hanya akan menyekat impian yang boleh dicapai untuk mendapatkan masa depan yang lebih cerah.

Tidak kurang juga yang membantah idea itu dengan menyatakan berkahwin pada usia muda boleh membantu remaja menjadi lebih matang dan bertanggungjawab dalam melakukan pelbagai perkara.

Malah, ada yang mengatakan memiliki anak pada usia muda akan memberi nilai tambah kepada pasangan remaja yang sudah berkahwin untuk menikmati kehidupan dengan lebih bermakna.

Ruangan Fokus .com minggu ini mengupas isu sama ada berkahwin dan memiliki anak pada usia muda itu merupakan satu tindakan berani atau membawa risiko kepada golongan remaja.

Dalam pada itu, ruangan Com'Y pula menampilkan konsep baharu larian yang menggunakan elemen muzik untuk amalangan gaya hidup sihat dalam kalangan remaja.

Krew .com:
 Muhamad Amirul Afiq Mastor
 Mohammad Al Faizal Abd. Karim
 Adlinahani Khalil

Pereka Grafik:
 Mohd. Faizal Taib @ Hassan
 Mohd. Faidhunnur Filus
 Mastika Mohamed

Hubungi .com:
 com@utusan.com.my

Citra Orang Muda
 CitraOrangMuda

03-92322930

BERKAHWIN dan memiliki anak pada usia muda ketika era sebelum merdeka mungkin merupakan perkara biasa berdasarkan keadaan ekonomi, taraf pendidikan dan sosial ketika itu.

Jika pernah mendengar cerita zaman dahulu, ada dalam kalangan masyarakatnya berkahwin seawal usia 15 tahun dan menjadi ibu bapa pada umur yang dikira masih mentah.

Namun, keadaan itu dilihat bukan satu masalah, malah dijadikan sebagai kayu

pengukur dan pendorong kepada golongan remaja hari ini untuk berkahwin dan memiliki anak pada usia muda.

Maka, tidak hairanlah jika peratusan ibu bapa muda dalam negara hari ini menunjukkan peningkatan secepat tabung.

Bagaimanapun, adakah golongan remaja hari ini benar-benar memahami tanggungjawab dalam perkahwinan dan memiliki anak? Adakah mereka cukup bersedia untuk menggalas peranan yang jika tersilap langkah, buruk padahnya. Revolusi negara menyaksikan

kemajuan pelbagai aspek termasuk bidang pendidikan, ekonomi dan sosial. Kesemua aspek tersebut memainkan peranan dalam pembentukan golongan muda hari ini.

Ruangan Fokus .com minggu ini mengupas isu dilema golongan remaja yang berani mengambil risiko untuk berkahwin dan memiliki anak pada usia muda.

Adakah mereka yakin keputusan dan langkah yang diambil itu tidak akan menjejaskan masa depan serta peluang yang seharusnya dimiliki untuk menjadikan kehidupan lebih baik? - **ADLANA WIDUJAN RIZAL**

KAHWIN

miliki anak pada usia muda berani atau risiko?



Fahami niat sebenar berkahwin dan miliki anak



NOOR AZIAH MOHD. AWAL

SETIAP pasangan yang berkahwin akan mengimpikan rumah tangga yang bahagia berpanjangan serta dikurniakan anak sebagai pelengkap kehidupan.

Bagi golongan remaja, tanggungjawab yang bakal dipikul selepas berkahwin dan memiliki anak adalah sama seperti kebanyakan pasangan berkahwin yang lain.

Justeru, golongan tersebut perlu memahami sedalam-dalamnya niat sebenar untuk berkahwin dan bersedia mempunyai anak, lebih lagi dalam usia muda.

Profesor Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal berkata, remaja hari ini disifatkan lebih berani melakukan pelbagai perkara dan ada di antaranya melangkaui perbatasan usia.

"Tidak salah untuk berkahwin kerana dalam Islam, perkahwinan itu dapat mengelakkan lelaki dan perempuan

terjerak dalam perbuatan zina. Namun, perlu difahami bahawa perkahwinan bukanlah bertujuan seksual semata-mata, sebaliknya terdapat tanggungjawab dan peranan yang lebih serius melibatkan kehidupan seharian," katanya.

Kebiasaannya, selepas berkahwin dalam usia muda, banyak perkara perlu dilupakan termasuk menyambung pendidikan, melakukan kerja yang diimpikan atau mencapai hasrat yang disrepani sebelum berkahwin.

Kesemua faktor itu boleh mendorong golongan remaja untuk berfikir sama ada adakah perkahwinan dan memiliki anak dalam usia muda merupakan satu langkah terbaik?

Noor Aziah memberitahu, jargon samakan keadaan dahulu ketika nenek moyang kita berkahwin pada usia muda dengan situasi hari ini kerana banyak bezanya.

"Dulu, nenek moyang kita sudah dibiasakan dengan kerja-kerja rumah, sekolah pun tak habis dan akhirnya berkahwin dalam usia muda. Mereka tidak mempunyai masalah untuk menyara anak dan keluarga biarpun tiada pendidikan tinggi.

"Zaman sekarang pula, belajar pun tidak habis dan buat kerja rumah pun masih tidak maha. Macam mana nak kahwin, jaga suami dan anak? Perkara remeh itu perlu ditindih kerana kehidupan rumah tangga bukan hanya hidup berpasangan," ujarnya.



MOHD. FARID

Kahwin matangkan kehidupan

TIDAK mengambil kira pandangan serong sesetengah pihak yang menganggap berkahwin muda hanya kerana ingin menghalalkan hubungan, ikatan perkahwinan yang baru dibina setahun mengajarnya pelbagai perkara dan yang paling penting, mematangkan kehidupan.

"Pada mulanya, keluarga tidak setuju apabila saya menyatakan hasrat ingin berkahwin kerana pada masa itu, saya masih belum habis belajar di universiti dan sudah tentu belum bekerja.

"Namun, sikap iktikad yang ada, saya gunakan untuk melangsungkan perkahwinan. Alhamdulillah, kini saya sudah mempunyai pekerjaan yang stabil dan mampu untuk menyara keluarga.

Perkahwinannya diserikan pula dengan kehadiran orang ketiga yang dianggap sebagai rezeki paling bernilai daripada Allah SWT.

Apabila berbicara mengenai anak, sudah tentu pelbagai perkara dan persiapan perlu dilakukan bagi menyediakan yang terbaik untuk si kecil.

Mengakui pada mulanya tidak tahu apa yang harus disediakan, selain bimbang dengan simpanan kewangan yang ada, kehadiran cahaya mata tetap disambut dengan penuh syukur dan bahagia.

"Antara perkara yang perlu dititik beratkan termasuk kewangan dan persiapan mental yang kuat bagi mengelakkan rasa putus asa apabila berdepan dengan kesukaran.

MOHD. FARID
 MOHD. ADNAN, 27



Yakin mampu laksana tanggungjawab

SIKAP yakin dan rajin berusaha menjadi kunci utama dalam menghadapi cabaran berkahwin serta memiliki anak pada usia muda.

Sama seperti kebanyakan remaja lain yang pada mulanya berfikir bahawa kahwin muda itu adalah sukar lebih-lebih lagi tiada kerjaya yang stabil, simpanan kewangan mencukupi dan faktor lain.

Bagaimanapun, takdir tuhan menentukan perkara yang paling disasarkan iaitu berkahwin muda akhirnya



NURUL 'AFIFAH YAZID, 27

terjadi dan dengan hati yang terbuka menerimanya sebagai satu cabaran untuk melayari kehidupan.

"Berkahwin pada usia 25 tahun dan setahun kemudian dikurniakan seorang cahaya mata, kehidupan saya kini lebih bahagia dan lengkap biarpun pada mulanya berdepan dengan pelbagai kesukaran.

"Kini, saya menjadi suri rumah sepenuh masa, namun sokongan kuat dari suami dan keluarga menjadikan saya yakin dengan perkahwinan yang dibina.

Tidak menafikan pelbagai faktor perlu diambil kira sebelum membuat keputusan untuk berkahwin dan memiliki anak pada usia muda, namun sikap terbuka dan berfikir luas membantunya menjalani kehidupan harian sama seperti pasangan suami isteri yang lain.

"Bukan saya nak cakap kahwin dan miliki anak pada usia muda itu mudah, namun jika sudah ke arah itu, lakukan dengan sebaik mungkin mengikut kemampuan dan juga istiqamah dengan semua yang berlaku.



Kahwin jangan ikut trend

SABAN hari, pasti kita akan menerima jemputan perkahwinan daripada rakan-rakan menerusi aplikasi WhatsApp dan laman sosial Facebook.

Bagi sesetengah remaja, jemputan sedemikian meresahkan mereka kerana beranggapan, ramai kawan-kawannya sudah ingin berkahwin, namun dia masih belum mempunyai kekasih atau calon yang sesuai biarpun usia baru melangkaui 22 tahun.

"Pada pandangan saya, jika ingin berkahwin biarlah cukup segala ilmu di dada termasuk kesediaan melayari rumah tangga dan faktor-faktor sokongan seperti kewangan mencukupi, kerjaya stabil dan kemampuan melaksanakan tanggungjawab yang berat.

"Jangan berkahwin ikut trend atau apabila



MUHAIDA SHAZANA ZAINI, 24

tengok rakan-rakan sudah ramai yang kahwin, sedangkan anda sendiri tidak tahu adakah perkahwinan itu serang atau sebaliknya.

Tidak kisah jika ingin berkahwin pada usia muda sekiranya kewangan mencukupi dan mental serta fizikal cukup kuat untuk menghadapi cabaran yang bakal tiba.

Bagi pasangan muda yang masih belajar dan sudah berkahwin, bahkan memiliki anak, mereka pasti mempunyai cara tersendiri untuk menguruskan kehidupan dan kita seelok-eloknya jangan membanding serong kerana mereka juga berhak untuk menikmati hidup sama seperti orang lain.

Buat keputusan tepat

TIDAK salah berkahwin dan mempunyai anak pada usia muda, namun adakah anda benar-benar yakin bahawa keputusan itu paling tepat?

Ramai remaja hari ini menganggap perkahwinan itu mudah dan memiliki anak juga tidak menjadi masalah untuk mereka menikmati kehidupan sebagai remaja.

Namun, perlu ditingkatkan bahawa tanggungjawab dan cara hidup mungkin sedikit berbeza apabila sudah berkahwin dan memiliki anak.



AINI FATMAHANISA MOHD. KHAIRUL AMIN, 24

luputuan untuk berkahwin dan mempunyai anak kerana perkahwinan bukan hanya untuk waktu sementara.

"Menang perkahwinan itu dilihat sebagai cara terbaik untuk mengolok golongan remaja terjerak dalam gejala maksiat, namun perkahwinan bukan untuk seksual semata-mata. Tetapi lebih kepada tanggungjawab dan apabila sudah menjadi ibu bapa, tanggungjawab itu akan menjadi lebih besar dan jika gagal melaksanakannya dengan baik, sudah tentu menimbulkan banyak masalah.